

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : RUMAH PERLINDUNGAN WANITA DAN KANAK-KANAK

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan dana kepada rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak mangsa keganasan rumahtangga atau mangsa dera yang diuruskan oleh pihak NGO.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM HADIAH MASUK UNIVERSITI

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program hadiah masuk universiti dari segi jumlah permohonan, jumlah tolakan dan sebab tolakan permohonan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SOP PEMULIHARAAN EMPANGAN KLANG GATE

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan sungai yang mengalir dari Empangan Klang Gate buat masa ini kelihatan kotor, berlumut, dahan-dahan pokok jatuh ke dalam sungai. Apakah peranan dan SOP setiap pihak yang ditugaskan untuk menguruselia kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Empangan Klang Gates merupakan empangan yang bertindak secara dwifungsi iaitu bagi tujuan bekalan air dan tebatan banjir. Anggaran luas kawasan tadahan Empangan Klang Gates ialah 75.6km² dengan mempunyai keluasan takungan empangan seluas 2.03km². Keupayaan takungannya sebanyak 25.3Mm³.

Selaras dengan itu, inisiatif Kerajaan Negeri melalui LUAS telah dilaksanakan bagi memastikan langkah-langkah kawalan pencemaran di kawasan tadahan air Empangan Klang Gates seperti berikut :

- i) Tindakan proaktif dengan mewartakan kawasan tadahan air Empangan Klang Gates sebagai kawasan Zon Perlindungan (Kawasan yang Diisytiharkan dan Sekatan) 2009 (No. 3959/2009) yang telah diluluskan MMKN pada 2 Disember 2010. Ini bermakna seluruh kawasan tadahan air Empangan Klang Gates adalah kawasan zon perlindungan yang terpelihara daripada sebarang kacau ganggu kecuali dengan Kebenaran Bertulis Pengarah LUAS.
- ii) Membuat pemantauan berkala di kawasan tadahan air empangan dan bersedia menyiasat jika menerima sebarang aduan berkaitan aktiviti pencemaran. Bagi kes-kes yang memerlukan penglibatan bersama antara agensi kerajaan ayang lain, isu tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang yang dipengerusikan Pengarah LUAS dan sekiranya isu tersebut masih tidak dapat diselesaikan diperingkat jabatan akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam untuk penyelarasan tindakan.

- iii) Bagi memastikan kawalan ke atas kualiti sumber air lebih mampan Lembaga menggalakkan program komuniti setempat iaitu Program Friends Of River (FoR) dengan kerjasama PBT, PDT dan Komuniti. Antara Komuniti yang telah berjaya melaksanakan program FoR ini seperti Friends Of River (FoR) Sg Klang@Melawati, Friends Of River (FoR) Sg Batu – Batu Caves (ROLPOP – FOSB (BC) dan Persatuan Sahabat Lembangan Sungai Klang - Friends of River Basin Society (FoKRB). Komuniti yang terlibat dalam program FoR ini menjadi mata-mata kepada pihak LUAS untuk mencegah sebarang bentuk pencemaran diperingkat awal dan memaklumkan terus kepada Lembaga disamping memelihara dan memulihara kawasan rizab sungai.

Untuk makluman, terdapat dua (2) fungsi utama Empangan Klang gates iaitu sebagai takungan bekalan air dan kawalan banjir. Bagi tujuan bekalan air, Air Selangor mengurusetia simpanan air empangan dengan penyaluran terus air mentah ke Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju melalui dua (2) batang paip berdiameter 1200mm. Manakala, kawalan banjir pula dikawalselia oleh pihak Pusat Kawalan SMART, JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPSWPKL) dengan pelepasan air empangan melalui empat (4) pintu 'Radial Gates' terus ke Sungai Klang. Pihak Pusat Kawalan SMART, JPS akan melaksanakan pelepasan air melalui pintu 'Radial Gates' pada musim lembab (hujan) bagi tujuan tebatan banjir iaitu semasa simpanan di Empangan Klang Gates penuh (100%). Semasa simpanan Empangan Klang Gates dibawah 100%, tiada pelepasan air dari empangan yang dibuat.

Keadaan sungai yang mengalir dari Empangan Klang Gates buat masa ini kelihatan kotar berwarna keperangan adalah disebabkan oleh kandungan manganese dan besi di dalam air berkenaan secara semulajadi. Apabila tiada perlepasan air melalui pintu 'Radial Gates' dilakukan dimana air akan bertakung didalam kolam penenang 'stilling basin' dengan hanya sedikit. Kesannya batu-batu berkenaan akan berlumut. Manakala dahan-dahan pokok jatuh ke dalam sungai berkenaan adalah diluar pagar kawasan empangan. Pihak Air Selangor hanya bertanggungjawab menyenggara kawasan empangan iaitu yang berpagar sahaja seperti pemotongan rumput, kebersihan, kawalan slope 'rip-rap' dan penjagaan pokok. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui Pejabat Lembangan Sungai Klang menyelenggara sampah Sungai Klang di Longboom Sungai Gisir iaitu anak Sungai Klang. Pihak Pusat Kawalan SMART menyelenggara sampah di Longboom Sungai Klang berdekatan kolam Berembang, iaitu sebelum aliran sungai ke pusat bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : NAIK TARAF MAJLIS PERBANDARAN KLANG KEPADA MAJLIS BANDARAYA.

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Klang kepada taraf Majlis Bandaraya sesuai dengan status Bandar Klang sebuah Bandar DiRaja?

JAWAPAN:

- a) Cadangan untuk menaiktarafkan Majlis Perbandaran Klang kepada Bandaraya DiRaja Klang telah dibentangkan sehingga ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA) Bil.1/2008 pada 22.01.2008 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu. Walau bagaimanapun, Tan Sri Pengerusi Mesyuarat menangguhkan cadangan menaiktarafkan Majlis Perbandaran Klang kepada Majlis Bandaraya DiRaja Klang merujuk minit yang seperti berikut :-
- i) Pembentangan kertas ini telah di tangguhkan, SUK Negeri Selangor diminta memperbaiki mutu perkhidmatan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya terlebih dahulu sebelum melihat aspek penaikkan taraf Pihak Berkuasa Tempatan Selangor yang lain.

Berkaitan keputusan tersebut sehingga kini Majlis Perbandaran Klang tidak menerima arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk membentangkan semula cadangan bagi maksud tersebut. Semasa pertukaran kerajaan kepada Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2008, Majlis Perbandaran Klang telah diminta membentangkan cadangan untuk memecah kawasan pentadbiran kepada 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, tiada keputusan yang jelas berhubung dengan cadangan untuk memecah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Klang untuk Majlis mengambil tindakan susulan berdasarkan cadangan asal untuk menaiktarafkan Majlis Perbandaran Klang kepada Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah diluluskan oleh MMKN, Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT dan telah tertangguh diperingkat KSN sebelum dirujuk kepada Mesyuarat Jemaah Menteri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : RUMAH DAN HARTANAH DI NEGERI SELANGOR

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakah bilangan rumah dan hartanah komersial yang masih belum terjual dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, berdasarkan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) setakat suku keempat tahun 2019 (Q4 2019) mendapati jumlah bilangan unit rumah dan hartanah komersial yang masih belum terjual di Selangor adalah sebanyak **8,489 unit** yang terdiri daripada **rumah/kediaman iaitu sebanyak 4,687 unit** manakala sebanyak **3,802 unit bagi hartanah komersial**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : KLINIK KESIHATAN DI DUN BANTING

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak peruntukan telah diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menaiktaraf dan memperbaiki keadaan infrastruktur Klinik Kesihatan Teluk Datuk dan Jenjarom sejak tahun 2013 hingga sekarang?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima hadiah pengajian IPT di Negeri Selangor dari 2016 sehingga kini?

- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah sumbangan melalui skim hadiah pengajian ipt pada masa hadapan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : BANDAR WARISAN

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan bercadang untuk mewartakan bangunan di sekitar Jalan Raya Timur, Jalan Stesen Klang sebagai bangunan Warisan?
- b) Jika ya, apakah bantuan Kerajaan Negeri dapat memulihkan struktur bangunan yang uzur dan nyatakan sebab-sebab jika tidak.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis dalam proses perbincangan dengan Jabatan Warisan dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bagi mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, walau bagaimanapun kawasan bangunan-bangunan tersebut telah dimasukkan dalam kawasan warisan berdasarkan Rancangan Tempatan Klang 2020 yang diwartakan dan bangunan-bangunan yang dikenalpasti akan diwarta di bawah kota warisan.
- b) Mengecat semula bangunan warna yang selaras serta membaiki fasad sediaada bagi memastikan bangunan-bangunan dalam kawasan warisan dipelihara dan dipulihara serta dikekalkan rekabentuk asal selaras dengan penyediaan garis panduan Rekabentuk Bandar Warisan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Klang pada **7/4/2016** merujuk Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil.7/2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS DUN MERU DI BAWAH SELIAAN JKR, JPS DAN
PEJABAT DAERAH KLANG**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan projek MARRIS JKR, JPS dan Pejabat Daerah Klang untuk DUN Meru?

- b) Apakah pecahan kerja-kerja MARRIS di bawah JKR, JPS dan Pejabat Daerah Klang di DUN Meru sejak sepuluh tahun lepas?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman bersama, jumlah peruntukan MARRIS di bawah Pejabat Daerah/Tanah Klang untuk tahun 2020 ialah RM4,976,416.32. Walau bagaimanapun, tiada sebarang pengkhususan kerja mengikut DUN ditetapkan di bawah Pejabat Daerah/Tanah Klang kerana kerja-kerja dilaksanakan berdasarkan keperluan dan aduan yang diterima.

JKR pula telah memperuntukan sejumlah RM1,369,762.10 daripada jumlah peruntukan MARRIS 2020 untuk kerja-kerja membaiki jalan di DUN Meru.

Bagi JPS pula, peruntukan MARRIS untuk keseluruhan Daerah Klang tahun 2020 berjumlah RM180,000.00 sahaja dan tiada sebarang pengkhususan kerja untuk DUN kecuali keadaan mendesak.

- b) Berikut adalah senarai kerja-kerja MARRIS yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang:

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TAHUN
1.	Menurap Semula Jalan Premix Di Jalan Penghulu, Meru	34,900.00	2016
2.	Menurap Semula Jalan Premix Di Jalan Kolam Hamdan, Kg Meru	57,620.00	2017
3.	Kerja-Kerja Membaikpulihan Dan Menurap Semula Sebahagian Jalan Di Lorong Belimbing Tambahan, Kg Meru	86,373.04	2018
4.	Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Jalan Dan Menurap semula Jalan Di Lorong Pinang Sebatang Kg Bukit Kapar Daerah Klang	45,097.00	2019
5.	Kerja-Kerja Membaikpulihan Dan Menurap Semula Jalan Di Lot 6120, Jalan Haji Abdul Manan, Batu 5½, Kg Meru	39,187.20	2019

Berikut pula adalah senarai kerja-kerja yang dijalankan oleh JKR di DUN Meru :

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TAHUN
1.	Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Kenangan, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	376,994.40	2019
2.	Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Durian, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	327,702.77	2019
3.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Pasar Malam, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	364,236.21	2019
4.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Dahlia, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	268,737.14	2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KISS (KASIH IBU SMART SELANGOR)

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima KISS terkini mengikut pecahan DUN?
- b) Apakah kriteria utama untuk penerima KISS ini di kawasan DUN yang mempunyai pemohon yang ramai?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima Program KISS yang telah direkodkan sehingga 23 Februari 2020 mengikut DUN adalah seperti berikut :-

BIL	DUN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)
1.	N01 Sungai Air Tawar	215
2.	N02 Sabak	215
3.	N03 Sungai Panjang	189
4.	N04 Sekinchan	162
5.	N05 Hulu Bernam	154
6.	N06 Kuala Kubu Baharu	215
7.	N07 Batang Kali	425
8.	N08 Sungai Burong	217
9.	N09 Permatang	215
10.	N10 Bukit Melawati	215
11.	N11 Ijok	149
12.	N12 Jeram	165
13.	N13 Kuang	214
14.	N14 Rawang	344
15.	N15 Taman Templer	288
16.	N16 Sungai Tua	314
17.	N17 Gombak Setia	202
18.	N18 Hulu Kelang	176

BIL	DUN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)
19.	N19 Bukit Antarabangsa	266
20.	N20 Lembah Jaya	234
21.	N21 Pandan Indah	120
22.	N22 Teratai	121
23.	N23 Dusun Tua	125
24.	N24 Semenyih	427
25.	N25 Kajang	293
26.	N26 Sungai Ramal	259
27.	N27 Balakong	254
28.	N28 Seri Kembangan	57
29.	N29 Seri Serdang	135
30.	N30 Kinrara	142
31.	N31 Subang Jaya	99
32.	N32 Seri Setia	245
33.	N33 Taman Medan	316
34.	N34 Bukit Gasing	31
35.	N35 Kampung Tunku	33
36.	N36 Bandar Utama	48
37.	N37 Bukit Lanjan	219
38.	N38 Paya Jaras	314
39.	N39 Kota Damansara	309
40.	N40 Kota Anggerik	217
41.	N41 Batu Tiga	237
42.	N42 Meru	314
43.	N43 Sementa	258
44.	N44 Selat Klang	60
45.	N45 Bandar Baru Klang	247
46.	N46 Pelabuhan Klang	315
47.	N47 Pandamaran	177
48.	N48 Sentosa	165
49.	N49 Sungai Kandis	338
50.	N50 Kota Kemuning	260
51.	N51 Sijangkang	158
52.	N52 Banting	142
53.	N53 Morib	214
54.	N54 Tg Sepat	215
55.	N55 Dengkil	424

56.	N56 Sungai Pelek	215
57.	N/A	1
	Jumlah	12,157

[Sumber dari : Selcare Management Sdn Bhd]

b) Kerajaan Negeri tidak pernah menetapkan syarat atau kriteria tertentu bagi kawasan DUN yang mempunyai bilangan pemohon yang ramai. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri amat prihatin kepada rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan serta layak untuk mendapatkan manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dengan menepati syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut :-

1. Warganegara Malaysia;
2. Lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Selangor melebihi 10 tahun;
3. Pemilih berdaftar di Negeri Selangor;
4. Wanita berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak / tanggungan di bawah umur 18 tahun;
5. Pendapatan bulanan isi rumah RM2,000.00 dan ke bawah sebulan; dan
6. Berdaftar di dalam sistem eKasih (kategori Miskin dan miskin tegar) atau sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KESALAHAN HUTAN

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes kesalahan hutan yang telah berjaya dikesan oleh JPNS melibatkan kesalahan pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram.

JAWAPAN:

- a) Maklumat Kes Pencerobohan Hutan dan Penebangan Pokok Secara Haram dari Tahun 2018 - 2020 (Sehingga Februari 2020).

1. Daripada tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 46 kes pencerobohan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan dan direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Daripada 46 kes tersebut, sebanyak 2 kes telah dihadapkan di mahkamah dan telah dikenakan denda dan penjara, 7 kes telah diselesaikan dengan cara kompaun, 16 kes tiada tindakan diambil (NFA) dan 21 kes masih dalam siasatan lanjut. Sebanyak 25 kes direkodkan berlaku di dalam Daerah Hutan Selangor Tengah, 13 kes di Daerah Hutan Selangor Tengah dan 8 kes di Daerah Hutan Pantai Klang. Daripada 46 kes yang dilaporkan ini melibatkan sejumlah 46 orang yang telah ditangkap kerana didapati melakukan aktiviti pencerobohan di dalam HSK dan penebangan pokok secara haram. Jumlah keseluruhan kompaun dan denda yang berjaya dikutip sepanjang tahun 2018 – 2018 adalah sebanyak RM 115,000.00.

Berikut merupakan pecahan jumlah kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram mengikut tahun adalah seperti berikut :

- a) Pada tahun 2018, terdapat 23 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Daripada 23 kes tersebut, 2 kes telah dituduh di mahkamah dan dikenakan denda dan penjara, 5 kes berjaya diselesaikan dengan cara mengenakan kompaun kepada pesalah, 6 kes tiada tindakan diambil (NFA) dan 10 kes masih dalam siasatan. Seramai 25 orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam hutan simpanan kekal. Jumlah keseluruhan denda dan kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 58,000.00. Berikut

merupakan rekod kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram pada tahun 2018 seperti Jadual 1 :

JADUAL 1: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN PENCEROBOHAN HUTAN DAN PENEANGAN POKOK SECARA HARAM BAGI TAHUN 2018

BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
1.	16/01/2018	Kompt. 25, Hutan Simpan Gading	1	Sek.81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan
2.	28/02/2018	Pulau Carey, Pelabuhan Klang	1	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Mahkamah Klang : - Penjara 6 Bulan
3.	3/6/2018	Pulau Indah, Pelabuhan Klang	3	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Mahkamah Klang : - Denda RM 23,000.00
4.	27/2/2018	Hutan Simpan Kuala Langat Utara	Tiada	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Siasatan
5.	23/2/2018	Hutan Simpan Kuala Langat Utara	Tiada	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Siasatan
6.	27/04/2018	Tanah Kerajaan Kapar	1	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Kompaun RM1,000.00

7.	30/05/2018	Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
----	------------	--	-------	--	-----------------	-----

BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
8.	22/06/2018	Hutan Simpan Hulu Gombak	2	Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Kompaun RM7,000.00
9.	25/04/2018	Hutan Simpan Kuala Langat Selatan	1	Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Siasatan
10.	16/7/2018	Kompt 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara	5	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Kompaun RM10,000.00
11.	19/01/2018	Hutan Simpan Sungai Buloh dan Hutan Simpan Kota Damansara	1	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan
12.	5/7/2018	Hutan Simpan Sungai Buloh	Tiada	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Kompaun RM10,000.00
13.	1/9/2018	Kompt 14 Hutan Simpan Bukit Cherakah	1	Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	NFA
14.	23/7/2018	Hutan Simpan Hulu	Tiada	Sek.83 (1) Enakmen	Selangor Tengah	Dalam Siasatan

		Gombak		(Pemakaian) APN 1985		
15.	28/7/2018	Hutan Simpan Templer	1	Sek.82 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan
16.	05/09/2018	Kompt 7 Hutan Simpan Kuala Langat Utara	4	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Siasatan
BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
17.	20/9/2018	Hutan Simpan Hulu Gombak	Tiada	Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan
18.	29/11/2018	Ladang West Sime Darby, Pulau Carey	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
19.	26/06/2018	Hutan Simpan Hulu Gombak	2	Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Kompaun RM7,000.00
20.	17/12/2018	Jalan Masuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Tkpm) Sungai Batangsi, Hulu Langat	1	Sek. 81(1)(g) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	NFA
21.	18/12/2018	Kompt.57 Hutan Simpan	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian)	Pantai Klang	NFA

		Telok Gedong		APN 1985		
22.	27/12/2018	Hutan Simpan Banjar Utara	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
23.	13/12/2018	Hutan Simpan Hulu Gombak	1	Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan

**NFA – No Further Action

b) Pada tahun 2019, terdapat 20 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penebangan pokok secara haram telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Daripada 20 kes tersebut, 2 kes berjaya diselesaikan dengan cara mengenakan kompaun kepada pesalah, 10 kes tiada tindakan diambil (NFA) dan 8 kes masih dalam siasatan. Seramai 12 orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam hutan simpanan kekal. Jumlah kompaun yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM 57,000.00. Berikut merupakan rekod kes pencerobohan hutan dan penebangan pokok secara haram pada tahun 2019 seperti Jadual 2 :

JADUAL 2: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN PENCEROBOHAN HUTAN DAN PENEANGAN POKOK SECARA HARAM BAGI TAHUN 2019

BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
1.	9/1/2019	Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
2.	18/1/2019	Labuhan Gurap,	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen	Pantai Klang	NFA

		Pulau Indah		(Pemakaian) APN 1985		
3.	8/1/2019	Labuhan Gurap, Pulau Indah	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
4.	1/2/2019	Labuhan Gurap, Pulau Indah	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA

BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
5.	8/2/2019	Kompt.58 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
6.	9/2/2019	Kompt.58 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
7.	19/3/2019	Kompt. 48, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan	Tiada	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Siasatan
8.	21/3/2019	Kompt. 55, Hutan Simpan Kuala	3	Sek.82 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	Dalam Tindakan Penyediaan Kertas

		Langat Selatan				Siasatan Untuk Pertuduhan Di Mahkamah
9.	9/4/2019	Kompt 32, Hutan Simpan Bukit Cherakah	1	Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Kompaun RM50,000.00
10.	18/5/2019	Kompt. 10, Hutan Simpan Bukit Lagong	1	Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan
11.	6/5/2019	Kompt.56 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
12.	8/5/2019	Kompt. 11, Hutan Simpan Batang Kali	1	Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan
13.	8/5/2019	Kompt. 1, Hutan Simpan Hulu Selangor	2	Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan
14.	18/6/2019	Hutan Simpan Banjar	1	Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian)	Pantai Klang	Dalam Siasatan

		Utara		APN 1985		
15.	5/8/2019	Hutan Simpan Ayer Hitam	1	Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Kompaun RM7,000.00
16.	17/6/2019	Kompt.47, Hutan Simpan Batang Kali	1	Sek. 81(1)(b) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan
17.	4/4/2019	Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
18.	18/10/2019	Kompt.57 Hutan Simpan Telok Gedong	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
19.	30/9/2019	Tanah Kerajaan Sementa, Kapar	Tiada	Sek.84 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Pantai Klang	NFA
20.	18/12/2019	Komp. 63, Hutan Simpan Bukit Kutu	1	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Hulu Selangor	Dalam Siasatan

**NFA – No Further Action

- c) Pada tahun 2020, terdapat 3 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah dikesan berlaku di negeri Selangor. Ketiga-tiga kes tersebut masih dalam siasatan. Seramai 6 orang telah ditangkap kerana melakukan pencerobohan di dalam kawasan HSK. Berikut merupakan rekod kes pencerobohan hutan pada tahun 2020 seperti Jadual 3 :

JADUAL 3: KES KESALAHAN HUTAN BERKAITAN PENCEROBOHAN HUTAN BAGI TAHUN 2020

BIL.	TARIKH	LOKASI	BIL OKT	KESALAHAN	DAERAH HUTAN	KEPUTUSAN
1.	7/1/2020	Kompt.10 Hutan Simpan Hulu Gombak	3	Sek.83 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan
2.	9/1/2020	Kompt. 14 Hutan Simpan Bukit Lagong	2	Sek.32 (1) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan
3.	11/2/2020	Hutan Simpan Hulu Gombak	1	Sek. 81(1)(e) Enakmen (Pemakaian) APN 1985	Selangor Tengah	Dalam Siasatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : MASALAH KESESAKAN TRAFIK DI PETALING JAYA

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi kesesakan traffic di Petaling Jaya dan apa sasaran penambahbaikan situasi kesesakan ini dalam 3 tahun akan datang?

- b) Bagaimana Kerajaan Negeri mengukur tahap kesesakan traffic demi mengukur kejayaan mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha-usaha yang telah di ambil oleh Majlis adalah:-
 - 1. Menambahbaik sistem pengangkutan awam terutamanya di pusat-pusat bandar dan kawasan perumahan berdensiti tinggi dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma "PJ City Bus" melalui kawasan-kawasan strategik selain pengangkutan awam yang telah dan sedang ditambahbaik oleh Kerajaan Pusat seperti LRT, MRT dan Komuter dll.
 - 2. Mengambil tindakan jangka pendek dengan melaksanakan skim pengurusan lalulintas yang lebih efektif di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan lalulintas.
 - 3. Merancang projek-projek menaiktaraf infrastruktur sebagai pelan tindakan jangka panjang bagi meredakan kesesakan lalulintas di kawasan "hotspot" berlaku kesesakan lalulintas.
 - 4. Menggunakan "Traffic Management Centre" bagi kawalan trafik secara berpusat di persimpangan-persimpangan utama di sekitar Petaling Jaya

Majlis telah mensasarkan pelaksanaan 3 projek infrastruktur utama berikut dalam tempoh 3 tahun akan datang yang melibatkan projek-projek berikut :-

1. Pelebaran jambatan di Jalan Persiaran Surian
 2. Pelebaran jambatan Tropicana Utara
 3. Pembinaan “dedicated ramp” Bukit Mayang Mas ke PJU 1A merentasi Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).
- b) Menggunakan “level of service” (LOS) bagi mengukur tahap perkhidmatan sesuatu jalan yang ditentukan melalui kiraan “v/c ratio”

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : BANJIR TAMAN TEMPLER

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan oleh JPS untuk menyelesaikan masalah banjir di daerah Gombak khususnya di DUN Taman Templer?
- b) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri untuk menghadapi masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Perancangan penyelesaian banjir di DUN Templer oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah dengan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Anak Sungai Udang. Pihak jabatan telah memohon peruntukan di dalam RMK12 kepada Kerajaan Persekutuan dengan kos sebanyak RM20 juta. Skop projek adalah menaiktaraf sistem Anak Sungai Udang sepanjang 2.3km yang mana ia merupakan saluran keluar utama (*final discharge point*) bagi sistem saliran dalaman di kawasan Selayang Baru.
- b) Isu atau masalah banjir di DUN Taman Templer adalah bertumpu di kawasan Selayang Baru yang mana ia merupakan kawasan *hot spot* banjir kilat di Daerah Gombak. Punca utama banjir ini adalah disebabkan saluran Anak Sungai Udang yang tidak mampu menampung pertambahan air larian. Bagi jangka masa pendek, JPS telah melaksanakan kerja-kerja pengorekan Anak Sungai Udang setiap tahun bagi mengurangkan kesan banjir. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menaiktaraf dan menyelenggara sistem saliran dalaman serta menyelesaikan isu halangan-halangan utiliti yang berada dalam sistem saliran. Di peringkat daerah, satu jawatankuasa berkenaan isu banjir di kawasan Selayang Baru ini telah pun diwujudkan di mana ia dipengerusikan sendiri oleh Pegawai Daerah. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama wakil penduduk serta agensi-agensi yang berkaitan di mana setiap perkara berbangkit akan ditangani bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KESELAMATAN KAWASAN PERAIRAN DAN PANTAI SELANGOR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjaga keselamatan kawasan pantai dan perairan negeri yang di dapati sebagai antara lokasi pendaratan warga asing secara haram?

- b) Nyatakan jumlah kes pendaratan warga asing haram di pantai Selangor dari tahun 2017 - 2019 ?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa mengambil berat dan serius berkenaan aktiviti pendaratan wargenegara asing yang berlaku di perairan negeri ini. Kawasan tanggungjawab APMM Negeri Selangor bermula dari Sabak Bernam sehingga ke Kuala Sepang iaitu seluas 7260 KM2 dan panjang pantai sepanjang 281 KM.

Pelbagai usaha dan langkah yang dijalankan oleh APMM bagi memastikan perairan negara tidak dicerobohi oleh pendatang asing. Antara langkah yang dijalankan ialah menempatkan dua buah asset beroperasi setiap hari. Sebuah asset ditugaskan untuk tugas mencari dan menyelamatkan manakala sebuah lagi ditugaskan untuk rondaan berkala. Aset-aset ini sentiasa bersedia untuk ditugaskan bagi memastikan perairan Selangor tidak dicerobohi.

Selain itu, system pengawasan laut (SWASLA) telah dipasang dibeberapa tempat diperairan Selangor. Sistem ini ditempatkan di Jabatan Laut Wilayah Tengah Pelabuhan Klang. Sistem ini dikawal selia oleh anggota yang bertugas selama 24 jam bagi mengesan pergerakan bot da kapal di perairan Selangor dan Melaka. Jika terdapat pergerakan yang mencurigakan, petugas SWASLA akan memaklumkan kepada pusat operasi Maritim seterusnya pusat operasi akan

menyalurkan maklumat kepada aset yang sedang beroperasi untuk membuat tinjauan sasaran curiga tersebut.

Disamping itu, maklumat perisikan sentiasa dilakukan oleh APMM. Risikan dilakukan dikawasan-kawasan Hot Spot yang sering dijadikan pendaratan pendatang asing. Aset-aset yang beroperasi juga ditugaskan untuk memantau kawasan tersebut. Disamping itu, penduduk tempatan juga berperanan menyalurkan maklumat kemasukan pendatang asing ini. Maka, dengan bantuan maklumat perisikan dan orang kampung pencegahan kepada aktiviti pendaratan warga asing dapat dilakukan.

Pendatang asing ini. Dengan kehadiran unit udara yang melaksanakan rondaan berkala sepanjang perairan Selat Melaka, maka kita dapat membanteras aktiviti pendaratan warga asing, penyeludupan dan lain-lain aktiviti yang salah disisi undang-undang.

Kemasukan warga asing ke perairan Selangor adalah berpunca daripada peluang pekerjaan yang tersedia terutama di sector perikanan. Tauke-tauke atau pemilik bot menawarkan pekerjaan kepada golongan asing ini kerana kadar upah yang lebih rendah berbanding dengan pekerja tempatan. Selain itu, pekerja tempatan yang kurang berminat dengan pekerjaan sebagai nelayan menyebabkan pemilik bot mengupah pekerja warga asing tersebut. Peluang sebegini dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga asing yang tiada sebarang halangan demi kelangsungan hidup di negara ini.

Langkah seterusnya ialah, jaringan kerjasama dengan agensi lain. Antara kerjasama yang dijalankan oleh APMM adalah melaksanakan operasi bersepadu bersama-sama lain-lain agensi. Sebagai contoh, Jabatan Imigresen, Polis Marin, Jabatan Laut dan lain-lain agensi yang berkaitan. Kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara agensi sekaligus dapat membanteras kemasukan warga asing ke negara ini. Disamping itu, kerjasama dengan agensi asing turut dilaksanakan. Contohnya, Japan Coast Guard dan Australia Border Force yang sering kali dilaksanakan setiap tahun. Kerjasama sebegini akan membuahkan hasil yang dapat mengurangkan kemasukan pendatang ke perairan Selangor.

Dalam menggalas tugas menjaga perairan negara, aset-aset yang APMM gunakan bukan semua aset yang baru. Terdapat aset yang telah berdekad lamanya tetapi masih lagi APMM gunakan untuk melaksanakan tugas rondaan di perairan Selat Melaka. Walaubagaimanapun, APMM dalam usaha menambah aset-aset yang mampu dari segi kelajuan untuk melakukan pemintasan penyeludupan pendatang asing atau barang-barang terlarangan kapal-kapal yang boleh bertahan lama

dilaut untuk tugas rondaan di sempadan perairan negara. Usaha ini dapat sekaligus mengurangkan kemasukan warga asing serta penyeludupan manusia ke negara ini.

Seterusnya, masa bertindak menjadi keutamaan kepada agensi sekiranya terdapat aduan kes jenayah, kesalahan-kesalahan yang dilakukan dilaut, mencari dan menyelamatkan dan lain-lain. Oleh itu, APMM dalam usaha mengenal pasti kawasan pesisir pantai, kuala-kuala dan jeti-jeti dibahagian Utara dan Selatan untuk dijadikan sub base bagi mempercepatkan masa bertindak perkara ini penting bagi mengekang aktiviti penyeludupan disamping dapat mengawal perairan Selangor dengan lebih efisien.

STATISTIK TANGKAPAN WARGANEGARA ASING DI PERAIRAN SELANGOR TAHUN 2017 SEHINGGA 2019

STATISTIK TANGKAPAN PATI TAHUN 2017

BIL	L	P	KANAK	W/NEGARA	PLATFORM	KAWASAN
1	26			INDONESIA	FERI	P.KETAM/P.KLANG
2		4		INDONESIA	FERI	P.KETAM/P.KLANG
3	9			INDONESIA	TEKSI AIR	P.KETAM/P.KLANG
4		1		INDONESIA	TEKSI AIR	P.KETAM/P.KLANG
5	51			INDONESIA	B/TRADE	P.KETAM/P.KLANG
6		15		INDONESIA	B/TRADE	P.KETAM/P.KLANG
7			1(P)	INDONESIA	B/TRADE	P.KETAM/P.KLANG
9		12		INDONESIA	B/TRADE	P.GEDONG/P.KLANG
10	7			BANGLADESH	B/TRADE	P.GEDONG/P.KLANG
11	6			INDONESIA	BOT FIBER	P.KETAM/P.KLANG
13	2			INDONESIA	BOT FIBER	PULAU ANGSA
14		2		INDONESIA	BOT PANCUNG	KUALA LANGAT
JUMLAH	101	34	1			

PATI KELUAR/MASUK TAHUN 2017				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	94	34	0	1
BANGLADESH	7	0	0	0
JUMLAH	101	34	0	1

PATI BEKERJA DI BNT TAHUN 2017				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	31	0	0	0
MYANMAR	10	0	0	0
JUMLAH	41	0	0	0

STATISTIK TANGKAPAN PATI 2018

BIL	L	P	KANAK	W/NEGARA	PLATFORM	KAWASAN
1	1		0	INDONESIA	FERI	P.KLANG
2	1		0	BANGLADESH	FERI	P.KLANG
3	11		0	INDONESIA	TEKSI AIR	P.KLANG
4		2	0	INDONESIA	TEKSI AIR	P.KLANG
5	2		0	PAKISTAN	TEKSI AIR	P.KLANG
6	17		0	INDONESIA	B/TRADE	P.KLANG
7		3	0	INDONESIA	B/TRADE	P.KLANG
JUMLAH	32	5	0			

PATI KELUAR/MASUK TAHUN 2018				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	29	5	0	0
PAKISTAN	2	0	0	0
BANGLADESH	1	0	0	0
JUMLAH	32	5	0	0

PATI BEKERJA DI BNT TAHUN 2018				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	24	0	0	0
MYANMAR	35	0	0	0
JUMLAH	59	0	0	0

STATISTIK TANGKAPAN PATI 2019

BIL	L	P	KANAK	W/NEGARA	PLATFORM	KAWASAN
1	16			INDONESIA	TEKSI AIR	P.KETAM/KLANG
2		1		CHINA	TEKSI AIR	P.KETAM/KLANG
3	49			INDONESIA	B/TRADE	KLANG
4		23		INDONESIA	B/TRADE	KLANG
			1 (P)	INDONESIA	B/TRADE	KLANG
			2 (L)	INDONESIA	B/TRADE	KLANG
5	25			INDONESIA	BOT FIBER	KLANG
6		10		INDONESIA	BOT FIBER	KLANG
7	10			INDONESIA	BOT FIBER	KUALA LANGAT
8		2		INDONESIA	KERETA	KUALA LANGAT
			1 (P)	INDONESIA	KERETA	KUALA LANGAT
JUMLAH	100	36	4			

PATI KELUAR/MASUK TAHUN 2019				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	100	36	2	1
CHINA	0	1	0	0
JUMLAH	100	37	2	1

PATI BEKERJA DI BNT TAHUN 2019				
NEGARA	JANTINA			
	DEWASA		KANAK	
	L	P	L	P
INDONESIA	59	0	0	0
MYANMAR	41	0	0	0
JUMLAH	100	0	0	0

OPERASI KHAS/BERSEPADU 2017

BIL	OPS KHAS		ASET	LOKASI	CATATAN
1	OP BERSEPADU BAGAN DATOH	06 - 07 JAN	KM DANGA DAN PGLNG 10	BAGAN DATOH PERAK	
2	OP SUNBIRD III	26/3 - 7/4	APMM, PDRM, JIM, MELALUI NATIONAL CENTRAL BUREAU (CB)	KELANG - BATU PAHAT	
3	OP PATKOR OPTIMA SIRI 26A/2017	7/5 - 25/5	APMM, PDRM, JIM, KASTAM PERIKANAN, KPDNKK, TUDM JBT LAUT. BERSAMA PENGUATKUSA SA INDONESIA	PERAIRAN SELANGOR	
4	OP REDBACK IX	6/10 - 15/10	APMM - ABF (AUSTRALIA BORDER FORCE)	TG PIAI - PULAU PINANG	
5	OP PATKOR OPTIMA 26B/2017	05/08 - 26/08/18	KILAT 20 KM BAGAN DATUK	PERAIRAN SELANGOR	

OPERASI KHAS/ BERSEPADU 2018

BIL	OPS KHAS	TARIKH	ASET	LOKASI	CATATAN
1	OP KHAS BERSAMA JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH	30/01/18	PGLNG 10	PELABUHAN KLANG	
2	OP CASABLANCA SIRI 1/2018	13/03/18	KM BAGAN DATUK KILAT 15, UDARA APMM	PERAIRAN SELANGOR	
3	OP REDBACK SIRI 10/2018	06/03 - 12/03/19	KM BAGAN DATUK KILAT 15	PERAIRAN SELANGOR	
4	OP KHAS PAGAR LAUT 1/2018	22/05 - 30/06/18	PGLNG 10 KM BAGAN DATUK	SEMPADAN PERAIRAN SELANGOR	
5	OP PATKOR OPTIMA 27A/2018	05/08 - 26/08/18	KILAT 20 KM BAGAN DATUK	PERAIRAN SELANGOR	
6	OPERATION LEAD II IN ASIA PASIFIC REGION BERSAMA JBPT PERHUTANAN NEGERI SELANGOR/INTERPOL	11/09 - 15/09/18	KILAT 20	PERAIRAN SELANGOR	

OPERASI KHAS/ BERSEPADU 2019

BIL	OPS KHAS	TARIKH	ASET	LOKASI	CATATAN
1	OP KHAS PAGAR LAUT 1/2019	26/01 - 11/02/19	KILAT 15	PELABUHAN KLANG	
2	OP KHAS EX LIMA 19	22/03 - 01/04/19	KM BAGAN DATUK	PERAIRAN LANGKAWI	
3	OP KHAS GEMIA	23/05 - 26/04/19	KM KUKUP	PERAIRAN SELANGOR	
4	OP PAGAR LAUT 1/2019	05/05 - 14/06/19	KM BAGAN DATUK KM DANGA	SEMPADAN PERAIRAN SELANGOR	
5	OP REDBACK XIII	17/06 - 21/06/19	PGLNG 10 PETIR 82	PERAIRAN SELANGOR	
6	OP PATKOR OPTIMA 28A/2019	13/08 - 19/08/19	KM BAGAN DATUK	PERAIRAN SELANGOR	
7	OP PINTAS BERSEPADU BERSAMA PDRM BUKIT AMAN (D3)	22/09 - 23/09/19	RISIK IPMNS DAN HQ	PERAIRAN SELANGOR	
8	OP PANCUNG	14/11 -18/11	RISIK IPMNS DAN HQ, PETIR 83	PU INDAH PORT KLANG	
9	OP PACAK	25/12 - 31/12	PGLNG 10, KILAT 20, KILAT 32, TIM GEMPUR MNS	KLANG KUALA SELANGOR	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TAPAK WARISAN

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tempat-tempat yang telah diwartakan sebagai kawasan warisan bawah PADAT.

- b) Apakah rancangan untuk tapak warisan yang telah diwartakan?

JAWAPAN:

- a) Terkini, jumlah tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645) adalah sebanyak 19 tapak keseluruhannya. Bersama-sama ini dinyatakan senarai tapak sejarah yang telah diwartakan seperti mana jadual di bawah. Walau bagaimanapun, 7 daripada 19 tapak warisan yang disenaraikan adalah di bawah seliaan PADAT.

Bil	Nama Bangunan	Daerah	Status
1.	Pejabat Daerah Lama Kuala Langat	Kuala Langat	Warisan
2.	Penjara Lama Jugra	Kuala Langat	Warisan
3.	Bangunan Sultan Suleiman(Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz)	Klang	Warisan Kebangsaan
4.	Sekolah Convent, Jalan Tengku Kelana	Klang	Warisan
5.	Balai Polis Trafik Kuala Kubu Baharu (Asal Gereja)	Hulu Selangor	Warisan
6.	Masjid Alauddin, Kuala Langat	Kuala Langat	Warisan Kebangsaan
7.	Masjid Diraja Sultan Suleiman, Jalan Kota Raja	Klang	Warisan Kebangsaan
8.	Masjid Ampang Pecah (Masjid lama Al-Hidayah)	Hulu Selangor	Warisan
9.	Kuil Sri Subramaniam Swamy, Jalan Batu Caves	Gombak	Warisan Kebangsaan
10.	Gedung Raja Abdullah, Klang	Klang	Warisan

11.	Kota Malawati, Bukit Malawati	Kuala Selangor	Warisan Kebangsaan
12.	Kota Raja Mahdi Klang	Klang	Warisan
13.	Kota Tanjung Keramat	Kuala Selangor	Warisan
14.	Bukit Raja	Kuala Selangor	Warisan
15.	Istana Alauddin/ Istana Bandar, Banting	Kuala Langat	Warisan
16.	Makam Diraja Jugra	Kuala Langat	Warisan
17.	Makam Saiyid Mashoor bin Mohammad Ash-Shahab	Kuala Langat	Warisan
18.	Ibu Empangan Sungai Tenggi	Kuala Selangor	Warisan
19.	Stor Peluru	Kuala Langat	Warisan

Nota :

Tapak warisan yang diwarnakan biru adalah di bawah seliaan / tanggungjawab PADAT.

- b) Terkini, PADAT menjalankan kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan terhadap bangunan yang berada di bawah seliaan PADAT bagi memastikan bangunan berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Rentetan dari perkara ini, PADAT mempunyai perancangan untuk menyediakan pakej pelancongan berteraskan budaya dan warisan yang terdapat di Negeri Selangor seperti pakej Pelancongan Diraja di daerah Kuala Selangor, Kuala Langat dan juga Kuala Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan hutan yang telah diwartakan sebagai kawasan hutan dalam Negeri Selangor?
- b) Sejauh mana usaha memelihara dan memulihara kawasan hutan di Selangor bagi tahun 2019 ?

JAWAPAN:

Usaha-usaha memelihara & memulihara kawasan hutan di Selangor telah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi daripada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Komitmen Kerajaan Negeri untuk memelihara sekurang-kurangnya 30% daripada kawasan tanah di Negeri Selangor adalah tanah berhutan menjadi objektif dan galakkan kepada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berusaha gigih memulihara dan memelihara hutan simpanan kekal di Negeri Selangor. Bagi penanaman pokok oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan dengan kerjasama pelbagai agensi lebih kurang 42,700 pelbagai spesies pokok berjaya ditanam dengan keluasan 67.5Ha pada tahun 2019. Ia melibatkan pemuliharaan kawasan hutan terosot seluas 43.5Ha dan pemeliharaan kawasan hutan seluas 24Ha.

Sejumlah 23 program (**Lampiran 3**) melibatkan program, kempen kesedaran dan CSR telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2019. Program-program ini telah menarik hampir 3,600 peserta untuk menjayakannya. Antara program yang mencuri tumpuan adalah Program Penanaman Pokok Bakau bersama Persatuan Bulan Sabit Merah(PBSM) di mana program ini telah berjaya dilaksanakan di Hutan Simpan Kuala Bernam. Seramai 1000 orang ahli PBSM menyertai program ini dan pokok-pokok spesies paya laut berjaya ditanam seluas 2 hektar.

Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor percaya bahawa projek-projek yang telah dilaksanakan membantu dalam usaha memelihara dan memulihara hutan manakala program-program yang dijayakan dapat mempertingkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan memelihara dan memulihara hutan di Negeri Selangor.

Lampiran 3

PROGRAM TANAM POKOK PERINGKAT DAERAH (KEMPEN, CSR DAN LAIN)

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI	LUAS (HA)	JENIS HUTAN	BIL POKOK	BIL PESERTA
1	Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor Tahun 2019 D.Y.M.M Sultan Selangor, Raja Muda Selangor, D.Y.M.M Tengku Permaisuri	21/7/2019	Lingkar Cyberpoint Barat,Cyberjaya (Tanah Kerajaan)	10	Hutan Darat	4500	1000
2	Program Tanaman Pokok Hutan Anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Dan Tenaga Nasioanl Berhad	17/9/2019	Kmpt 74 Dan 75 HSK Hulu Langat	0.1	Hutan Darat	86	-
3	Healing Broga 2.0	2/11/2019	Tanah Kerajaan Bukit Broga Hulu Langat	0.1	Hutan Darat	100	-
4	Tanam Pokok Jpns (Seksyen Penguatkuasa)	7/2/2019	Kompt 55 HS Kuala Langat Selatan	2	Hutan Paya Gambut	1500	-
5	Sambutan Hari Lembap Sedunia 2019	23/2/2019	Parit 6 Kompt 99/100 HS Raja Musa	1.5	Hutan Paya Gambut	1200	328
6	Program Water Stewardship:Reforestration Efforts Of Peat Swamp Forest,The Internasional Day Of Forest 2019 And Earth Day 2019 4/5/2019 Komp. 99/100 HS Raja Musa	4/5/2019	Komp. 99/100 HS Raja Musa	1.0	Hutan Paya Gambut	600	-
7	Program Penanaman Pokok Bersama Sukarelawan Bursa	29/6/2019	Komp. 6 HS Kuala Langat Utara	0.1	Hutan Paya Gambut	600	-
8	Program Bulanan Penanaman Pokok Jpns Bersama Gec	27/7/2019	Parit 7 HS Raja Musa	1	Hutan Paya Gambut	600	162
9	Program Bulanan Jpns Bersama Pihak Innesfree Malaysia	22/6/2019	Parit 7 HS Raja Musa	0.5	Hutan Paya Gambut	300	100
10	Tanam Pokok Bersama Cargill Sdn Bhd	6/4/2019	Hutan Simpan Kapar Tambahan,Kuala Selangor	0.05	Hutan Paya Laut	225	20

11	Tanam Pokok Bersama Petronas Bhd	6/4/2019	Hutan Simpan Kuala Bernam, Sg. Besar	0.05	Hutan Paya Laut	200	33
12	Tanam Pokok Bersama PBSM	11/4/2018	Parit Changkat, Sungai Haji Dorani, HS Kuala Bernam	0.04	Hutan Paya Laut	500	150
13	Program Penanaman Anak Pokok Bakau Bersama Kakitangan Toyota Auto Body (Malaysia) Sdn Bhd	15/6/2019	HS Pulau Tonggok	0.156	Hutan Paya Laut	500	70
14	Program Penanaman Anak Pokok Bakau Bersama Kakitangan Aluminium Of Company Malaysia	6/7/2019	Kg Bagan Pasir HS Banjar Utara	0.11	Hutan Paya Laut	500	35
15	Program Inisiatif Orang Mawas : Program Penanaman Semula Pokok Bakau Dikawasan Pantai Sempena Hari Hutan	14/7/2019	Sg Haji Dorani, HS Kuala Bernam	2.0	Hutan Paya Laut	1250	150
16	Program Penanaman Anak Pokok Bakau Bersama Persatuan Pendidikan Dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) Dan Pricewaterhousecoopers (Pwc) Malaysia	16/6/2019	Kg Bagan Pasir HS Banjar Utara	0.09	Hutan Paya Laut	400	60
17	Program Tanaman Pokok Spesies Paya Bakau Sempena Projek Pemuliharaan Habitat Hutan Paya Bakau	6/7/2019	Pantai Kelanang, Kuala Langat (Tanah Kerajaan)	1.0	Hutan Paya Laut	600	-
18	Program Tanaman Pokok Bersama RHB 2019	5/10/2019	Tanah Kerajaan, Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Kuala Langat Selangor	1.0	Hutan Paya Laut	1000	200
19	Mangrove Tree Planting Program 2019 With Malaysia Red Crescent (PBSM)	20/10/2019	Jalan Bagan 6, Sungai Besar HS Kuala Bernam	2.0	Hutan Paya Laut	4000	1000
20	Program Pantai Indah (Tanaman Pokok Bakau) Peringkat Mukim Pasir daerah sabak bernam	26/10/2019	Tanah Kerajaan Tali air 8, Sg. Leman	0.5	Hutan Paya Laut	700	170

21	Program Penanaman Pokok Bakau Bersama SMKA Hj.Dorani	15/10/2019	HS Kuala Bernam Sg Haji Dorani, Sabak Bernam	0.1	Hutan Paya Laut	100	100
22	Program Penanaman Pokok Pesisir Pantai Tahun 2019	9/11/2019	Tanah Kerajaan Pantai Bagan Lalang Sepang	0.2	Hutan Paya Laut	250	-
23	Tanam Pokok bersama UPM	8/4/2019	Parit 6 Komp. 99/100 HS Raja Musa	0.05	Hutan Paya Gambut	150	26
			JUMLAH	23.646		19,381	3,600

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : SEKOLAH

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap keperluan sekolah di Bandar Puncak Alam yang tidak mencukupi?
- b) Adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukkan bagi sekolah untuk mengadakan program motivasi peningkatan kecemerlangan keputusan peperiksaan tahunan?
- c) Apakah inisiatif kepada anak yang cemerlang dalam mencapai keputusan peperiksaan?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pendidikan Selangor mengambil maklum dan sedar keperluan mendesak bagi Kawasan Bandar Puncak Alam yang melibatkan pertumbuhan perumahan yang amat pesat. Permohonan bagi keperluan sekolah di kawasan Bandar Puncak Alam telah dijalankan sejak RMK11 lagi dan masih dipohon pembidaan kelulusan budget di RMK12 bagi sekolah-sekolah di Kawasan tersebut. Berikut merupakan sekolah-sekolah yang dipohon kelulusan budget dalam RMK12 bagi Negeri Selangor:

- 1) SMK Alam Bestari, Hillpark
- 2) SMK Alam Suria
- 3) SK Alam Bestari, Hillpark
- 4) SK Alam Suria

Manakala SMK Saujana Utama (2) telah lulus budget di RMK11 yang lepas dan dalam urusan bahagian pembangunan KPM bagi pelaksanaan pembinaannya.

- b) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) mulai tahun 2019 untuk peningkatan kecemerlangan Pendidikan rakyat Selangor khasnya kepada murid-murid yang menduduki SPM dan UPSR bagi tahun 2020.
- c) Murid-murid yang cemerlang dalam peperiksaan peringkat sekolah dirai dan diberi pengiktirafan dalam majlis-majlis yang dibuat di peringkat sekolah. Ia bagi meningkatkan motivasi murid agar terus cemerlang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR KILAT

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan atau langkah-langkah tertentu oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Jaya Setia, Bestari Jaya?


JAWAPAN:

- a) Kejadian banjir kilat yang berlaku di Kg. Jaya Setia adalah disebabkan faktor muka bumi aras lokasi banjir kilat yang rendah dan hujan lebat yang berterusan. Selain itu, parit berkenaan tidak mampu untuk menampung kapasiti air yang banyak dan memerlukan penaiktarafan.

Bagi penyelesaian jangka pendek, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pada 9 parit utama di kawasan Kg. Jaya Setia setiap tahun. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang JPS telah memohon peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek menaiktaraf parit dan saliran di kawasan berkenaan di dalam RMK-12 dengan kos cadangan sebanyak RM3 juta.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. PENDAHULUAN



Kampung Jaya Setia adalah terletak di dalam Mukim Bestari Jaya dan salah sebuah kampung di dalam Daerah Kuala Selangor merupakan penempatan berbilang kaum. Kawasan ini adalah merupakan kawasan penempatan, pertanian, perindustrian kecil dan sederhana, dan lain-lain Kemudahan Asas / Awam.

2. **LOKASI-LOKASI** kawasan banjir di Kampung Jaya Setia :

- a) Jalan Budi 1
- b) Jalan Kilang
- c) Jalan utama masuk ke Kampung Jaya Setia

3. **PUNCA-PUNCA** banjir :

- a) Hujan lebat yang berterusan di mana jumlah taburan hujan adalah tinggi dalam satu masa.
- b) Kawasan yang terlibat banjir kilat adalah kawasan rendah dari segi faktor muka bumi.
- c) Kesan pembuangan air loji dan kelodak (Puncak Niaga Sdn.Bhd., Gamuda, & Sungai Harmoni) yang disalurkan ke Parit Kubang Badak / Loji yang melalui kawasan Kampung Jaya Setia telah melimpah ke kawasan kampung (rendah) serentak dengan musim hujan dan air pasang Sungai Selangor.

- d) Binaan-binaan lintasan jalan masuk persendirian di atas parit dengan bukaan 'culvert' yang kecil

4. TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL (JANGKAMASA PENDEK) :

- a) Jabatan menjalankan kerja-kerja penggalian semula parit-parit bagi melancarkan sistem saliran pada tahun 2019 :-
- i. Parit Jalan Budi 1
 - ii. Parit Waja Kanan
 - iii. Parit Jalan Kilang
 - iv. Parit Lintang Jalan Kilang
 - v. Parit Tepi Jalanraya Bestari Jaya (Kiri)
 - vi. Parit Jalan Keretapi Lama
 - vii. Parit Jalan Sejahtera
 - viii. Parit Jalan Ladang
 - ix. Parit Tepi Jalanraya Utama Persekutuan
- b) Jabatan telah menghantar surat kepada Pihak Loji di mana mengarahkan untuk membina sebuah kolam takungan tapisan kelodak (ESCP) bagi menapis lumpur / kelodak sebelum mengalirkan keluar ke Outlet dan Jabatan telah mencadangkan Pihak Loji untuk membuat Outlet Loji sendiri dimana tidak menggunakan parit tanah sediaada dan ini sejajar dengan arahan Dato' Menteri Besar di dalam perbincangan bersama.
- c) Penggunaan pam bergerak semasa kejadian banjir kilat bagi membantu mempercepatkan kelancaran pembuangan air.

5. CADANGAN JANGKAMASA PANJANG :

- a) Pihak loji perlu membina sistem outlet sendiri iaitu laluan pembuangan air mentah hendaklah dialihkan dengan tidak menggunakan laluan asal iaitu Parit Kubang Badak / Loji yang menyebabkan banjir lumpur dan ini telah diputuskan oleh Dato' Menteri Besar semasa perbincangan terdahulu.
- b) Jabatan akan menjalankan kajian terperinci di kawasan ini bagi mengetahui punca sebenar dan akan mengambil tindakan susulan iaitu kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran bagi mengelakkan kejadian banjir berulang melalui cadangan projek di RMK-12 (Negeri Selangor) dengan kos anggaran RM3.0juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOI) NEGERI SELANGOR

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berdasarkan Enakmen Kebebasan Maklumat, adakah masih terdapat jenis maklumat yang tidak boleh diakses oleh orang ramai? Berikan contoh
- b) Sebagai wakil rakyat dipilih rakyat, adakah Ahli Dewan Negeri boleh mendapat akses kepada semua maklumat yang mereka perlukan di bawah Kerajaan Tempatan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada Enakmen Kebebasan maklumat (Negeri Selangor) 2011 [Enakmen 8] telah diperjelaskan bahawa terdapat pengecualian maklumat iaitu maklumat yang tidak boleh diberikan.

Pegawai Maklumat perlu menentukan sama ada maklumat yang dipohon terdiri adalah daripada kategori –kategori berikut :-

1. Maklumat yang perlu dizahirkan

Menurut subseksyen 5(1) Enakmen, setiap jabatan hendaklah memberikan akses kepada setiap individu, maklumat yang berada dalam kawalan jabatan, melainkan dikecualikan tanpa pengecualian di dalam Enakmen. Oleh yang demikian, maklumat yang perlu dizahirkan ialah semua maklumat jabatan, kecuali maklumat yang dikecualikan tanpa pengecualian sebagaimana huraian di bawah.

2. Maklumat yang dikecualikan

Seksyen 14 Enakmen memperuntukkan maklumat-maklumat yang dikecualikan adalah seperti berikut :-

- 2.1 Maklumat yang diklasifikasikan sebagai sulit dan rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] yang jika didedahkan, akan dengan serius menjejaskan keselamatan negara atau pertahanan negara di mana dengan

secara material menjejaskan kebolehan negara melindungi atau mempertahankan kewujudannya atau sempadan kawasan atau kebolehan bertindak balas terhadap penggunaan atau ancaman kekuasaan;

2.2 Yang mengandungi maklumat yang diperoleh ;

- i. Daripada pihak ketiga dan menyampaikannya boleh menyebabkan satu tindakan pecah kerahsiaan yang boleh didakwa;
- ii. Secara rahsia daripada pihak ketiga dan ia mengandungi rahsia perniagaan atau menyampaikannya mungkin, atau berkemungkinan besar boleh, menjejaskan dengan teruk kepentingan komersial atau kewangan pihak ketiga; atau
- iii. Secara rahsia daripada negeri atau organisasi antarabangsa yang lain, dan menyampaikannya mungkin, atau berkemungkinan besar boleh, menjejaskan dengan teruk hubungan dengan negeri atau organisasi antarabangsa tersebut;

2.3 Maklumat jika sekiranya didedahkan mungkin, atau berkemungkinan besar boleh menjejaskan dengan teruk perumusan dasar yang berkesan atau pembangunan Kerajaan Negeri.

Seksyen 15 Enakmen memperuntukkan pengecualian kepada maklumat-maklumat yang dikecualikan seperti berikut :-

- i. Sekiranya kepentingan awam di dalam pendedahan melebihi bahaya pendedahannya;
- ii. Kerajaan Negeri menggunakan budi bicara mendedahkan atau membenarkan pendedahan maklumat yang dikecualikan atau membuang klasifikasi sulit yang diberikan kepada mana-mana maklumat atau dokumen dan membenarkan akses kepadanya;
- iii. Maklumat itu diperlukan lagi penyiasatan kesalahan atau salah laku ; dan
- iv. Maklumat berkaitan dengan apa-apa perkara atau kejadian yang berlaku lebih dua puluh (20) tahun yang lalu sebelum permohonan dibuat oleh pemohon.

3. Permohonan yang menyusahkan, tidak munasabah atau berulang

Seksyen 12 Enakmen memperuntukkan setiap jabatan tidak perlu memenuhi permohonan yang menyusahkan, tidak munasabah atau permohonan yang menyusahkan, tidak munasabah atau permohonan yang berulang, iaitu permohonan sama yang telah pun diberikan kepada orang yang sama dalam tempoh enam bulan sebelum itu melainkan pemohon memberikan alasan munasabah untuk meminta meklumat yang sama tersebut.

4. Maklumat peribadi orang perseorangan pihak ketiga

Seksyen 13 Enakmen memperuntukkan setiap jabatan boleh untuk enggan menunjukkan sama ada ia mempunyai maklumat, atau enggan untuk menyampaikan maklumat, di mana jika berbuat demikian ia akan melibatkan penzahiran tidak munasabah maklumat peribadi orang perseorangan pihak ketiga, melainkan sekiranya :-

- i. Pihak ketiga telah memberi persetujuan secara bertulis terhadap penzahiran maklumat ; atau
- ii. Orang yang membuat permohonan adalah penjaga yang sah kepada pihak ketiga atau waris yang sah atau Pentadbiran yang sah pihak ketiga yang telah meninggal dunia.

Sekiranya Pegawai Maklumat mendapati meklumat yang dipohon adalah maklumat yang perlu dizahirkan atau maklumat yang termasuk dalam pengecualian kepada maklumat yang dikecualikan, maka Pegawai Maklumat hendaklah membuat keputusan membenarkan pemohon mengakses maklumat berkenaan.

Sekiranya Pegawai Maklumat mendapati permohonan / maklumat yang dipohon adalah maklumat yang dikecualikan atau permohonan yang menyusahkan, tidak munasabah atau berulang atau maklumat peribadi orang perseorangan pihak ketiga, maka Pegawai Maklumat hendaklah membuat keputusan menolak permohonan berkenaan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 16 Enakmen, sekiranya maklumat yang dikecualikan boleh dibuang atau dipadamkan daripada maklumat dan dokumen, akses boleh diberikan dengan syarat pemohon dimaklumkan tentang jumlah maklumat yang telah dipadamkan. Bagi kes

permohonan berulang, sekiranya permohonan yang sama tersebut, permohonan boleh diluluskan.

Antara contoh maklumat yang tidak boleh diakses oleh orang ramai adalah seperti deraf perjanjian oleh Kerajaan Negeri dengan pihak ketiga, maklumat peribadi orang persendirian dan sebagainya.

- b) Ahli Dewan Negeri boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011. Walau bagaimanapun, mereka masih tertakluk kepada Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENEMPATAN SETINGGAN DAN PEMBANGUNAN KG FAJAR

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Cadangan pembangunan Kg Fajar telah dikemukakan sejak 2008 lagi. Sehingga kini tiada apa-apa perkembangan. Apakah Kerajaan tidak berminat untuk membangunkan Kg Fajar sebagai penempatan setinggan melalui kaedah call for proposals?

JAWAPAN:

- a) Cadangan Pembangunan Semula Kampung Fajar diselaras oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor melibatkan tanah seluas 10.17 ekar merangkumi :
- i. Tanah Kerajaan Negeri - 1.69 ekar
 - ii. Tanah Kerajaan Negeri (Rezab sungai) - 3.45 ekar
 - iii. Tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Loji Rawatan Kumbahan) - 5.03 ekar

Walaupun bagaimanapun, pembangunan masih belum dapat dijalankan sehingga pihak PTP menyerahkan tanah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang dijangkakan tidak digunakan lagi sebagai loji kumbahan pada tahun 2021.